

PEMIMPIN DAN STRATEGI

Ratana Inzah binti Mohd Asri
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK


Pemimpin merupakan ketua suatu organisasi, politik, negara dan lain-lain yang mempunyai pelbagai nama mengikut bahasa, adat dan kebudayaan. Mempunyai peranan yang berkaitan dengan kuasa dan berkemampuan melakukannya dengan berbagai-bagai cara. Pemimpin mempunyai peribadi yang menarik dengan pelbagai kelebihan, terutama mampu mempengaruhi orang-orang lain untuk bersama-sama melakukan kegiatan tertentu untuk mencapai tujuan. Pemimpin mampu untuk membuat keputusan, membahagikan kebaikan, membimbing dan mendidik bawahan, memberikan nasihat, menyelesaikan masalah dalaman dan luaran, juga menjadi teladan serta membuat peraturan untuk kebaikan keseluruhannya. Pemimpin juga mesti mempunyai daya kerjasama yang baik dalaman mahupun luaran dan bertanggungjawab dalam semua perlakuan, tutur kata diri sendiri mahupun organisasi untuk mencapai sasaran strategi dan tujuan. Mengutamakan pencapaian melalui strategi dan mementingkan organisasi daripada hal yang berbentuk peribadi dalam menyelesaikan semua masalah demi kepentingan organisasi/parti/negara. Pemimpin mempunyai pengaruh, kuasa dan akan membawa pengikut ke arah kebaikan. Secara keseluruhannya pemimpin perlu mempunyai sifat Siddiq, Amanah, Tabligh, Fatonah.

PENDAHULUAN

David Easton mendefinisikan kuasa sebagai satu kebolehan yang dipunyai oleh seseorang individu dan kebolehan ini kelihatan apabila mereka mempengaruhi individu atau kumpulan yang lain untuk memenuhi kehendak orang atau individu yang dipercayai mempunyai kuasa. Manakala Bertrand Russell mengatakan kuasa sebagai satu nilai yang bersifat kuantiti, iaitu yang boleh digunakan untuk menghasilkan sesuatu kesan atau kejadian.

TEORI KEPIMPINAN

Terdapat beberapa teori kepimpinan iaitu seperti di bawah:



Teori Atribusi – teori yang mengaitkan pengamatan dan pendapat pengikut. Menganalisis peri laku sendiri dan juga pengikutnya. Kualiti pemimpin di sini sangat penting dalam mengorganisasikan kelompok mahu pun situasi. Terdapat empat tahap kepemimpinan iaitu pengamatan peril aku, pengambilan kesimpulan, analisis peri laku dan kepentingan pengikut.

Teori Psikodinamis – Mengutamakan aspek emosi kepemimpinan. Menjelaskan perilaku eksklusif dengan pertimbangan struktur peribadi. Terdapat empat jenis iaitu otoriter, narsis (bangga diri, agresif dan menampilkan diri, narsis koersif (gabungan ketelitian dan percaya diri).

Teori neo-kharisma – transformasional dalam menjaga pengikut.

LMX – *leader-member exchange*, proses interaksi timbal balik. Pemimpin mungkin memiliki pelbagai jenis hubungan dengan pengikut yang mempunyai pelbagai watak. Teori idiosyncrasy credit model of leadership/model kepemimpinan istimewa. Merupakan hasil persepsi interpersonal.

Teori simbolik – Berdasarkan pada kategori makna yang terdapat dalam symbol yang memberi nilai makna, interpretasi, sejarah, konteks dll yang berkenaan dengan simbolik.

Teori mikro-politik - perilaku npolitik yang meenjadi pendorong utama bagi perubahan social dan organisasi.

Teori peranan – terdapat dalam tiga pendekatan dasar: strukturalistik, fungsionalis dan interaksionalisme-simbolik.

Teori pembelajaran social – pembelajaran dan motivasi.

Selain itu terdapat beberapa teori seperti teori Great Man merupakan teori yang mengatakan seorang pemimpin besar lahir sebagai pemimpin yang memiliki ciri-ciri yang istimewa yang mencakup: karisma, kecerdasan, kebijaksanaan dan dapat menggunakan kekuasaan yang dimilikinya untuk membuat pelbagai keputusan yang memberi dampak besar bagi sejarah manusia. Karisma sendiri menunjukkan keperibadian seseorang yang dicirikan oleh pesona peribadi, daya tarik, yang disertai dengan kemampuan komunikasi interpersonal dan persuasi yang hebat. Thomas Carlyle pada abad ke-19 menyatakan bahwa sejarah dunia tak lain ialah sejarah hidup orang-orang besar. Menurutnya, seorang pemimpin besar akan lahir dan tidak diciptakan. Manakala teori *Trait* pula merupakan lanjutan dari teori *Great Man* yang mengatakan bahwa para pemimpin dilahirkan dan bukan diciptakan (*leader are born and not made*). Inilah yang dinyatakan oleh Peter Drukker. Semetara pemikiran *behaviorisme*, bahwa pemimpin tidak seluruhnya merupakan itisan darah bangsawan/biru, namun diperoleh melalui pembelajaran dan pengalaman. Kesimpulannya ialah kepemimpinan yang dapat dipelajari.

Dalam novel Jeneral dan Labirin (1989), Marquez mengatakan setiap pemimpin selalunya menciptakan labirinnya sendiri. Labirin/labyrinth (*labyrinthos*) nama bagi sebuah sistem jalur yang rumit, berliku-liku, serta memiliki banyak jalan mati seperti dalam cerita mitos Greek¹. Mitologi Greek yang menceritakan bangunan yang penuh lorong dan berliku-liku yang penuh dengan perangkap.

PEMIMPIN DAN STRATEGI

Setiap pemimpin mencipta strateginya sendiri seperti mencipta labirin yang kadang-kadang tidak dapat keluar daripada masalah strategi ciptaannya seperti mencari jalan keluar daripada labirin. Labirin merupakan strategi yang perlu dilaksanakan dengan berhati-hati kerana kadang-kadang musuh tidak hanya dari luar tetapi juga terdapat dalam kumpulan sendiri yang dapat mengelirukan untuk mencari jalan keluar.

Perkataan strategi berasal daripada bahasa Greek iaitu *strategos*. Perkataan *strategos* dapat diterjemahkan sebagai panglima tentera pada zaman demokrasi Athen. Strategi politik mulai diperkenalkan sejak tahun 1532 oleh Niccolo Machiavelli, dalam bukunya *The Prince*. Dalam buku tersebut diterangkan tentang strategi politik yang dilaksanakan oleh seorang pemimpin ketika mempertahankan kekuasaan. Bagi Machiavelli, politik ialah tindakan strategis untuk memperoleh, mempertahankan dan menjalankan kekuasaan.

Strategi politik sendiri merupakan strategi atau cara yang digunakan untuk mewujudkan suatu cita-cita politik. Strategi politik sangat penting untuk sebuah parti politik, tanpa adanya strategi politik, perubahan jangka panjang sama sekali tidak akan dapat diwujudkan. Perencanaan strategi suatu proses dan perubahan politik yang merupakan sebuah gambaran yang jelas mengenai tujuan akhir yang ingin dicapai dan juga segala

¹ Alfian, M. Alfian. *Mengapa Politik Menarik*. Ms: 18.

kekuatan untuk mencapai tujuan tersebut. Strategi/labirin politik itu sendiri merupakan strategi atau tehnik yang digunakan untuk mewujudkan suatu cita-cita politik.

Clausewitz dan Howard dalam artikel *People and Politics* mengemukakan tiga kategori strategi, pertama ialah dimensi strategi yang terdiri daripada orang/individu, masyarakat, pemikiran politik dan etika. Kedua, dimensi strategi dalam kategori *Preparation for War* yang meliputi ekonomi dan lojistik, organisasi, pentadbiran tentera, informasi dan intelijen, doktrin, teori strategi, dan teknologi. Ketiga, dimensi strategi dalam kategori *War Proper* yang terdiri dari operasi tentera, pimpinan (dalam politik dan tentera), geografi, pergesekan dan lawan. Dimensi-dimensi tersebut merupakan dimensi dalam penyusunan dan pelaksanaan. Dimensi tersebut kadang-kadang saling mempengaruhi bahkan terdapat dimensi yang lebih kuat dari dimesi lainnya. Namun, keberadaan dimensi ini hanya merupakan sebahagian aspek sahaja.

Menurut Peter Schorder dalam bukunya yang berjudul *Strategi Politik*, politik strategi politik sendiri merupakan strategi atau cara yang digunakan untuk mewujudkan suatu cita-cita politik. Strategi politik sangat penting untuk sebuah parti politik, tanpa adanya strategi politik, perubahan jangka panjang sama sekali tidak akan dapat diwujudkan. Perencanaan strategi suatu proses dan perubahan politik yang merupakan sebuah gambaran yang jelas mengenai tujuan akhir yang ingin dicapai dan juga segala kekuatan untuk mencapai tujuan tersebut. Strategi/labirin politik itu sendiri merupakan strategi atau tehnik yang digunakan untuk mewujudkan suatu cita-cita politik.

Pemimpin semestinya merupakan ahli strategi yang mengikut Sun Tzu, unsur penentu kemenangan perang ialah panglima perang yang juga pemimpin yang menggambarkan kebijaksanaan, ketulusan, kebaikan, keberanian dan disiplin. Pemimpin boleh saja berada di hadapan, tengah atau di belakang.

Keseluruhannya setiap manusia melalui kognisi dan behaviorisme dan mengikut teori-teori yang lain dapat menjadi pemimpin, terutama menjadi pemimpin untuk diri sendiri dalam menentukan jalan hidup/labirin masing-masing.

RUJUKAN

- Alfian M. Alfian. (2016). *Mengapa Politik Menarik*, Jakarta: PT Penjuru Ilmu Sejati,.
- A Ways, Muliasyah (1915). *Political, Ilmu Politik, Demokrasi, Partai Politik dan Welfare State*. Yogyakarta: Buku Litera,
- Budiardjo, Miriam, Prof. (2016). *Dasar-dasar Ilmu Politik*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Heywood, Andrew. (2012). *Ideologi Politik, Sebuah Pengantar*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Machiavelli, Nicollo. (2015). *Diskursus*. Yogyakarta: Penerbit Narasi.
- (2014). *Il Principe*. Yogyakarta: Penerbit Narasi.
- McNair, Brian. (2016). *Pengantar Komunikasi Politik* (terjemahan). Bandung: Penerbit Nusa Media.
- Said, Salim. (2015). Mengundang Keterlibatan Angkatan Bersenjata. *Majalah Prisma*, Volume 34, ms:98-117.

- Schroder, Peter (2003). *Strategi Politik*. Jakarta: Frederich-Naumann-Stiftung fuer die Freiheit.
- Peter Burke, *Sejarah dan Teori Sosial* (terjemahan), Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia, 2015.
- Ronald H Chilcote, *Teori Perbandingan Politik*, Jakarta: Divisi Buku Perguruan Tinggi, PT RahaGrafindo Persada, 2003.
- Sarwono, Sarlito W. (2016). *Pengantar Psikologi Umum*. Jakarta: PT Rajawali Press.
- Sarwono, Prof, Dr Sarlito Wirawan. (2015). Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.